



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 65
No. 4

25hb Februari 2021

TAMBAHAN No. 26
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 73.

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PENGEKUALIAN) (No. 3) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [*Akta 378*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 3) 2021**.
- (2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2020.

Pengecualian

2. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), (3) dan (4), surat cara yang berhubungan dengan suatu percantuman atau pemerolehan yang diluluskan yang disempurnakan oleh perusahaan kecil dan sederhana adalah dikecualikan daripada duti setem.

(2) Dalam perenggan ini—

(a) “surat cara yang berhubungan dengan suatu percantuman atau pemerolehan yang diluluskan” ertinya—

- (i) kontrak atau perjanjian bagi penjualan atau penyewaan harta (tanah, bangunan, jentera dan peralatan);
- (ii) surat cara pindah milik dan memorandum persefahaman;
- (iii) perjanjian pinjaman atau pembiayaan; dan
- (iv) perjanjian penyewaan yang pertama; dan

(b) “perusahaan kecil dan sederhana” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana 1995 [*Akta 539*].

(3) Pengecualian di bawah subperenggan (1) hendaklah terpakai kepada surat cara yang disempurnakan pada atau selepas 1 Julai 2020 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2021.

(4) Pengecualian di bawah subperenggan (1) hendaklah tertakluk kepada syarat bahawa percantuman atau pemerolehan itu diluluskan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi mulai 1 Julai 2020 tetapi tidak lewat daripada 30 Jun 2021.

Dibuat 19 Februari 2021

[MOF.TAX(S)700-2/1/105; PN(PU2)159/XXXIV]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

STAMP ACT 1949

STAMP DUTY (EXEMPTION) (No. 3) ORDER 2021

IN exercise of the powers conferred by subsection 80(1) of the Stamp Act 1949 [*Act 378*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Stamp Duty (Exemption) (No. 3) Order 2021**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 1 July 2020.

Exemption

2. (1) Subject to subparagraphs (2), (3) and (4), the instruments in relation to an approved merger or acquisition executed by small and medium enterprises shall be exempted from stamp duty.

(2) In this paragraph—

(a) “instruments in relation to an approved merger or acquisition” means—

- (i) contract or agreement for the sale or leasing of property (land, building, machinery and equipment);
- (ii) instrument of transfer and memorandum of understanding;
- (iii) loan or financing agreement; and
- (iv) first leasing agreement; and

(b) “small and medium enterprises” has the same meaning assigned to it in section 2 of the Small and Medium Industries Development Corporation Act 1995 [*Act 539*].

(3) The exemption under subparagraph (1) shall apply to the instrument executed on or after 1 July 2020 but not later than 31 December 2021.

(4) The exemption under subparagraph (1) shall be subject to the condition that the merger or acquisition is approved by the Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives from 1 July 2020 but not later than 30 June 2021.

Made 19 February 2021
[MOF.TAX(S)700-2/1/105; PN(PU2)159/XXXIV]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Minister of Finance

P.U. (A) 74.

AKTA LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA 1998

PERINTAH LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (SES) (PINDAAN)
(No. 2) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 [*Akta 582*], Menteri, setelah berunding dengan Menteri Kewangan, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) (Pindaan) (No. 2) 2021**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2021.

Pindaan perenggan 3

2. Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2019 [*P.U. (A) 361/2019*] dipinda dalam perenggan 3 dengan menggantikan perkataan “empat belas” dengan perkataan “enam belas”.

Dibuat 23 Februari 2021

[MPI 19(05)68/2; PN(PU2)606/VI]

DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

MALAYSIAN PALM OIL BOARD ACT 1998**MALAYSIAN PALM OIL BOARD (CESS) (AMENDMENT) (NO. 2) ORDER 2021**

IN exercise of the powers conferred by subsection 35(1) of the Malaysian Palm Oil Board Act 1998 [*Act 582*], the Minister, after consultation with the Minister of Finance, makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Malaysian Palm Oil Board (Cess) (Amendment) (No. 2) Order 2021**.

(2) This Order comes into operation on 1 March 2021.

Amendment of paragraph 3

2. The Malaysian Palm Oil Board (Cess) Order 2019 [*P.U. (A) 361/2019*] is amended in paragraph 3 by substituting for the word “fourteen” the word “sixteen”.

Made 23 February 2021

[MPI 19(05)68/2; PN(PU2)606/VI]

DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI
Minister of Plantation Industries and Commodities

P.U. (A) 75.**AKTA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA 1991****KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) 2021**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*Akta 452*], Lembaga membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2021**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 26 Februari 2021.

Pindaan kaedah 41

2. Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*P.U. (A) 493/1991*] dipinda dalam kaedah 41—

(a) dalam subkaedah (10N)—

(ii) dengan menggantikan perkataan “, sekiranya—” dengan noktah; dan

(ii) dengan memotong perenggan (a) dan (b);

(b) dalam subkaedah (10P), dengan memotong perkataan “dan ahli Kumpulan Wang itu telah memenuhi syarat yang dinyatakan dalam subkaedah (10N)”; dan

(c) dalam perenggan (10R)(a), dengan memotong perkataan “atau ahli Kumpulan Wang itu tidak memenuhi syarat yang dinyatakan dalam subkaedah (10N)”.

Dibuat 25 Februari 2021

[KWSP/JUU/9/1/GUB(U)34; PN(PU2)498/Jld.17]

TAN SRI AHMAD BADRI BIN MOHD ZAHIR
Pengerusi
Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

EMPLOYEES PROVIDENT FUND ACT 1991**EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT) RULES 2021**

In exercise of the powers conferred by section 73 of the Employees Provident Fund Act 1991 [*Act 452*], the Board makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Employees Provident Fund (Amendment) Rules 2021**.

(2) These Rules come into operation on 26 February 2021.

Amendment of rule 41

2. The Employees Provident Fund Rules 1991 [*P.U. (A) 493/1991*] are amended in rule 41—

(a) in subrule (10N)—

(i) by substituting for the words “, if—” a full stop; and

(ii) by deleting paragraphs (a) and (b);

(b) in subrule (10P), by deleting the words “and that member of the Fund has fulfilled the condition specified in subrule (10N)”;

(c) in paragraph (10R)(a), by deleting the words “or that member of the Fund does not fulfill the condition specified in subrule (10N)”.

Made 25 February 2021

[KWSP/JUU/9/1/GUB(U)34; PN(PU2)498/Jld.17]

TAN SRI AHMAD BADRI BIN MOHD ZAHIR

Chairman

Employees Provident Fund Board

P.U. (A) 76.

ORDINAN DARURAT (PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT
BERJANGKIT) (PINDAAN) 2021

Suatu Ordinan yang dimasyhurkan oleh Yang di-Pertuan Agong menurut Fasal (2B) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan.

[11 Mac 2021]

BAHAWASANYA disebabkan oleh suatu darurat besar sedang berlaku yang mengancam keselamatan, kehidupan ekonomi dan ketenteraman awam di dalam Persekutuan berikutan wabak penyakit berjangkit, iaitu Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19), suatu Proklamasi Darurat telah dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan pada sebelas hari bulan Januari, dua ribu dua puluh satu:

DAN BAHAWASANYA Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa tindakan serta-merta adalah dikehendaki untuk meminda Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988:

MAKA ADALAH DENGAN INI DIMASYHURKAN SUATU ORDINAN oleh Yang di-Pertuan Agong menurut Fasal (2B) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Ordinan ini bolehlah dinamakan **Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021**.

(2) Ordinan ini mula berkuat kuasa pada 11 Mac 2021.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*], yang disebut “Akta” dalam Ordinan ini, dipinda dalam seksyen 2—

- (a) dengan memotong takrif “inspektor kesihatan”;
- (b) dalam takrif “pegawai diberi kuasa”, dengan menggantikan perkataan “mana-mana inspektor kesihatan, atau mana-mana pegawai” dengan perkataan “mana-mana Pegawai Kesihatan Persekitaran, atau mana-mana orang yang sesuai”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas takrif “Pegawai Kesihatan” takrif yang berikut:

‘ “Pegawai Kesihatan Persekitaran” ertinya mana-mana Pegawai Kesihatan Persekitaran dalam perkhidmatan Kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa tempatan termasuk Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran;’.

Pindaan seksyen 10

3. Subseksyen 10(2) Akta dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan “atau mendapat tahu” perkataan “atau mempunyai sebab untuk percaya atau mengesyaki”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “dalam borang yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini” dengan perkataan “dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Ketua Pengarah”.

Seksyen baharu 15A

4. Akta dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 15 seksyen yang berikut:

“Perintah bagi memakai peranti pengesanan

15A. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh memerintahkan supaya mana-mana orang yang dijangkiti atau yang dia mempunyai sebab untuk percaya telah dijangkiti, atau mana-mana kontak, untuk memakai apa-apa peranti pengesanan yang diberikan kepadanya.

(2) Peranti pengesanan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah termasuk suatu gelang tangan atau apa-apa peranti yang diberikan oleh pegawai diberi kuasa.

(3) Mana-mana orang yang memusnahkan, merosakkan, menghilangkan atau mengubah peranti pengesanan itu melakukan suatu kesalahan.”.

Seksyen baharu 21A

5. Akta dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 21 seksyen yang berikut:

“Arahan Ketua Pengarah

21A. (1) Ketua Pengarah boleh mengeluarkan apa-apa arahan mengikut apa-apa cara, sama ada secara am atau khusus, kepada mana-mana orang atau golongan orang supaya mengambil apa-apa langkah bagi maksud mencegah dan mengawal apa-apa penyakit berjangkit.

(2) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana arahan Ketua Pengarah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.”.

Bahagian baharu IVA

6. Akta dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian IV bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN IVA**PENGUATKUASAAN****Kesalahan boleh tangkap**

21B. Tiap-tiap kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta ini adalah suatu kesalahan boleh tangkap.

Kuasa penyihasatan

21c. Seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu untuk menjalankan penyihasatan di bawah Akta ini mengikut Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593].

Kuasa untuk memberikan maklumat

21d. Seseorang pegawai diberi kuasa boleh menghendaki mana-mana orang untuk memberikan apa-apa maklumat yang berhubungan dengan pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit.

Kuasa untuk menangkap

21e. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa yang diberi kuasa oleh Menteri secara bertulis boleh menangkap mana-mana orang yang dia semunasabahnya percaya telah melakukan atau cuba untuk melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Kanun Tatacara Jenayah hendaklah terpakai.”.

Seksyen baharu 22A

7. Akta dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 22 seksyen yang berikut:

“Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan

22A. (1) Jika sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah seorang pengarah, ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai operasi, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya bagi pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa bertindak atas mana-mana sifat sedemikian atau yang mengikut apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian—

- (a) boleh dipertuduh secara berasingan atau bersesama dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan itu; dan
- (b) jika pertubuhan perbadanan itu didapati bersalah melakukan kesalahan itu, hendaklah disifatkan bersalah melakukan kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan—
 - (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya; dan

- (ii) bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan telah menjalankan segala usaha wajar untuk mengelakkan pelakuan kesalahan itu.

(2) Jika mana-mana orang di bawah Akta ini boleh dikenakan apa-apa hukuman atau penalti bagi perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran, dia boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran mana-mana pekerja atau ejennya, atau pekerja ejen itu, jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu telah dilakukan—

- (a) oleh pekerja orang itu dalam masa penggajiannya;
- (b) oleh ejen itu semasa bertindak bagi pihak orang itu; atau
- (c) oleh pekerja ejen itu dalam masa penggajian pekerja itu dengan ejen itu atau selainnya bagi pihak ejen yang bertindak bagi pihak orang itu.”.

Penggantian seksyen 24

8. Akta dipinda dengan menggantikan seksyen 24 dengan seksyen yang berikut:

“Penalti am

24. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini yang tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.”.

Penggantian seksyen 25

9. Akta dipinda dengan menggantikan seksyen 25 dengan seksyen yang berikut:

“Pengkompaunan kesalahan

25. Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai diberi kuasa yang diberi kuasa bagi maksud ini oleh Ketua Pengarah secara bertulis boleh, dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya, pada bila-bila masa sebelum sesuatu pertuduhan dimulakan, mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang telah ditetapkan oleh peraturan-peraturan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Ketua Pengarah—

- (a) dalam hal seseorang itu merupakan seorang individu, suatu jumlah wang yang tidak melebihi sepuluh ribu ringgit; atau

(b) dalam hal sesuatu pertubuhan perbadanan, suatu jumlah wang yang tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.”.

Pindaan seksyen 31

10. Seksyen 31 Akta dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini boleh menetapkan apa-apa perbuatan yang melanggar peraturan-peraturan itu menjadi suatu kesalahan dan boleh menetapkan penalti denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.”.

DIMASYHURKAN di Istana Negara BETA di Kuala Lumpur, Ibu Kota Persekutuan, pada dua puluh tiga hari bulan Februari, dua ribu dua puluh satu.

AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI ALMARHUM
SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH
Yang di-Pertuan Agong

[Akan dibentangkan di Parlimen menurut Fasal (3) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan]

EMERGENCY (PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES) (AMENDMENT) ORDINANCE 2021

An Ordinance promulgated by the Yang di-Pertuan Agong pursuant to Clause (2B) of Article 150 of the Federal Constitution.

[11 March 2021]

WHEREAS by reason of the existence of a grave emergency threatening the security, economic life and public order of the Federation arising from the epidemic of an infectious disease, namely Coronavirus Disease 2019 (COVID-19), a Proclamation of Emergency has been issued by the Yang di-Pertuan Agong under Article 150 of the Federal Constitution on the eleventh day of January, two thousand twenty one:

AND WHEREAS the Yang di-Pertuan Agong is satisfied that immediate action is required to amend the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988:

IT IS HEREBY PROMULGATED AN ORDINANCE by the Yang di-Pertuan Agong pursuant to Clause (2B) of Article 150 of the Federal Constitution as follows:

Short title and commencement

1. (1) This ordinance may be cited as the **Emergency (Prevention and Control of Infectious Diseases) (Amendment) Ordinance 2021**.

(2) This Ordinance comes into operation on 11 March 2021.

Amendment of section 2

2. The Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 [*Act 342*], which is referred to as the “Act” in this Ordinance, is amended in section 2—

- (a) by deleting the definition of “health inspector”;
- (b) in the definition of “authorized officer”, by substituting for the words “any health inspector, or any officer” the words “any Environmental Health Officer, or any suitable person”; and
- (c) by inserting after the definition of “disinsecting” the following definition:

‘ “Environmental Health Officer” means any Environmental Health Officer in the service of the Government or of any local authority including the Assistant Environmental Health Officer;’.

Amendment of section 10

3. Subsection 10(2) of the Act is amended—

- (a) by inserting after the words “or becomes aware of” the words “or has reason to believe or suspect”; and
- (b) by substituting for the words “in the form prescribed by regulations made under this Act” the words “in any form as determined by the Director General”.

New section 15A

4. The Act is amended by inserting after section 15 the following section:

“Order for wearing tracing device

15A. (1) An authorized officer may order any person who is infected or whom he has reason to believe to be infected, or any contact, to wear any tracing device provided to him.

(2) The tracing device referred to in subsection (1) shall include a wristband or any device provided by the authorized officer.

(3) Any person who destroys, damages, loses or tampers with the tracing device commits an offence.”.

New section 21A

5. The Act is amended by inserting after section 21 the following section:

“Directions of Director General

21A. (1) The Director General may issue any directions in any manner, whether generally or specifically, to any person or class of persons to take such measures for the purpose of preventing and controlling any infectious disease.

(2) Any person who contravenes any directions of the Director General issued under subsection (1) commits an offence.”.

New Part IVA

6. The Act is amended by inserting after Part IV the following part:

“PART IVA

ENFORCEMENT

Seizable offence

21B. Every offence punishable under this Act shall be a seizable offence.

Power to investigate

21C. An authorized officer shall have all the powers necessary to carry out an investigation under this Act in accordance with the Criminal Procedure Code [*Act 593*].

Power to furnish information

21D. An authorized officer may require any person to furnish any information relating to the prevention and control of infectious disease.

Power to arrest

21E. (1) An authorized officer who is authorized by the Minister in writing may arrest any person whom he reasonably believes has committed or is attempting to commit an offence under this Act.

(2) For the purposes of subsection (1), the Criminal Procedure Code shall apply.”.

New section 22A

7. The Act is amended by inserting after section 22 the following section:

“Offences by body corporate

22A. (1) If a body corporate commits an offence under this Act, any person who at the time of the commission of the offence was a director, chief executive officer, chief operating officer, manager, secretary or other similar officer of the body corporate or was purporting to act in any such capacity or was in any manner or to any extent responsible for the management of any of the affairs of the body corporate or was assisting in such management—

- (a) may be charged severally or jointly in the same proceedings with the body corporate; and
- (b) if the body corporate is found guilty of the offence, shall be deemed to be guilty of that offence unless, having regard to the nature of his functions in that capacity and to all circumstances, he proves—
 - (i) that the offence was committed without his knowledge, consent or connivance; and
 - (ii) that he had taken all reasonable precautions and exercised due diligence to prevent the commission of the offence.

(2) If any person would be liable under this Act to any punishment or penalty for his act, omission, neglect or default, he shall be liable to the same punishment or penalty for every such act, omission, neglect or default of any employee or agent of his, or of the employee of the agent, if the act, omission, neglect or default was committed—

- (a) by that person’s employee in the course of his employment;
- (b) by the agent when acting on behalf of that person; or
- (c) by the employee of the agent in the course of his employment by the agent or otherwise on behalf of the agent acting on behalf of that person.”.

Substitution of section 24

8. The Act is amended by substituting for section 24 the following section:

“General penalty

24. Any person who commits an offence under this Act for which no penalty is expressly provided shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one hundred thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding seven years or to both.”.

Substitution of section 25

9. The Act is amended by substituting for section 25 the following section:

“Compounding of offences

25. The Director General or any authorized officer authorized for this purpose by the Director General in writing may, with the consent in writing of the Public Prosecutor, at any time before a charge is being instituted, compound any offence under this Act or any regulations made under this Act which has been prescribed by regulations as a compoundable offence by making a written offer to the person reasonably suspected of having committed the offence to compound the offence upon payment to the Director General—

- (a) in the case of a person who is an individual, a sum of money not exceeding ten thousand ringgit; or
- (b) in the case of a body corporate, a sum of money not exceeding fifty thousand ringgit.”.

Amendment of section 31

- 10.** Section 31 of the Act is amended by inserting after subsection (2) the following subsection:

“(3) Regulations made under this Act may prescribe any act in contravention of the regulations to be an offence and may prescribe penalties of a fine not exceeding fifty thousand ringgit or imprisonment for a term not exceeding six months or to both.”.

PROMULGATED at OUR Istana Negara in Kuala Lumpur, the Federal Capital, this twenty-third day of February, two thousand twenty one.

AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI ALMARHUM
SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH
Yang di-Pertuan Agong

[To be laid before Parliament pursuant to Clause (3) of Article 150 of the Federal Constitution]

P.U. (A) 77.**ORDINAN DARURAT (STANDARD MINIMUM PERUMAHAN, PENGINAPAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA) (PINDAAN) 2021**

Suatu Ordinan yang dimasyhurkan oleh Yang di-Pertuan Agong menurut Fasal (2B) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan.

[26 Februari 2021]

BAHAWASANYA disebabkan oleh suatu darurat besar sedang berlaku yang mengancam keselamatan, kehidupan ekonomi dan ketenteraman awam di dalam Persekutuan berikutan wabak penyakit berjangkit, iaitu Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19), suatu Proklamasi Darurat telah dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan pada sebelas hari bulan Januari, dua ribu dua puluh satu:

DAN BAHAWASANYA Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa tindakan serta-merta adalah dikehendaki untuk meminda Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990:

MAKA ADALAH DENGAN INI DIMASYHURKAN SUATU ORDINAN oleh Yang di-Pertuan Agong menurut Fasal (2B) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Ordinan ini bolehlah dinamakan **Ordinan Darurat (Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja) (Pindaan) 2021**.

(2) Ordinan ini mula berkuat kuasa pada 26 Februari 2021.

Pindaan seksyen 1

2. Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446], yang disebut “Akta” dalam Ordinan ini, dipinda dengan menggantikan subseksyen 1(2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Akta ini hendaklah terpakai di seluruh Malaysia.”.

Pindaan seksyen 2

3. Seksyen 2 Akta dipinda—

(a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “**Bahagian II**” perkataan “**dan Bahagian III**”; dan

(b) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Kecuali bagi Negeri Sabah dan Negeri Sarawak, Bahagian II dan Bahagian III Akta ini tidak terpakai bagi mana-mana estet atau sebahagian daripadanya, yang terletak di dalam kawasan Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran atau Wilayah Persekutuan.”.

Pindaan seksyen 3

4. Seksyen 3 Akta dipinda—

(a) dengan menggantikan takrif “Ketua Pengarah” dengan takrif yang berikut:

‘ “Ketua Pengarah” ertinya—

- (a) berkenaan dengan Semenanjung Malaysia, Ketua Pengarah Tenaga Kerja yang dilantik di bawah subseksyen 3(1) Akta Kerja 1955 [*Akta 265*];
- (b) berkenaan dengan Negeri Sabah, Pengarah Tenaga Kerja yang dilantik di bawah subseksyen 3(1) Ordinan Buruh [*Sabah Bab 67*]; atau
- (c) berkenaan dengan Negeri Sarawak, Pengarah Tenaga Kerja yang dilantik di bawah subseksyen 3(1) Ordinan Buruh [*Sarawak Bab 76*];

dan termasuklah—

- (A) mana-mana pegawai yang, menurut kuasa suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen 26(1), diletak hak dengan kesemua atau mana-mana kuasa Ketua Pengarah; atau
- (B) mana-mana orang lain yang dilantik di bawah subseksyen 26(2);’; dan

(b) dengan menggantikan takrif “pekerja” dengan takrif yang berikut:

‘ “pekerja”—

- (a) berkenaan dengan Semenanjung Malaysia, mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Kerja 1955;
- (b) berkenaan dengan Negeri Sabah, mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Ordinan Buruh [*Sabah Bab 67*]; atau
- (c) berkenaan dengan Negeri Sarawak, mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Ordinan Buruh [*Sarawak Bab 76*];’.

Pindaan seksyen 23

5. Subseksyen 23(2) Akta dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Akta Pembantu Hospital Estet (Pendaftaran) 1965 [*Akta 435*]” perkataan “atau mana-mana pegawai lain yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang menjalankan fungsi yang sama atau serupa dengan pembantu hospital estet”.

Pindaan seksyen 24B

6. Seksyen 24B Akta dipinda dalam takrif “penginapan” dengan memasukkan selepas perkataan “kediaman manusia” perkataan “dan termasuklah penginapan berpusat”.

Seksyen baharu 24BA

7. Akta dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 24B seksyen yang berikut:

“Kehendak bagi penginapan

24BA. (1) Menteri boleh menetapkan mana-mana kelas, kategori atau pemerihalan pekerja yang hendaklah disediakan penginapan di bawah Bahagian ini.

(2) Semua majikan, yang kelas, kategori atau pemerihalan pekerjaanya ditetapkan oleh Menteri, hendaklah menyediakan penginapan bagi pekerja itu.”.

Pindaan seksyen 24c

8. Seksyen 24c Akta dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Ketua Pengarah boleh, dalam mengeluarkan arahan kepada mana-mana majikan atau penyedia penginapan berpusat pada melaksanakan fungsi dan kuasanya di bawah subseksyen (1) atau (2), mengarahkan supaya apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dalam melaksanakan arahan itu ditanggung oleh majikan atau penyedia penginapan berpusat.”.

Seksyen baharu 24FA dan 24FB

9. Akta dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 24F seksyen yang berikut:

“Kuasa Ketua Pengarah untuk mengarahkan penggantian, perubahan dan pembaikan penginapan dan kemudahan

24FA. (1) Jika Ketua Pengarah mendapati bahawa mana-mana penginapan atau kemudahan yang disediakan oleh majikan atau penyedia penginapan berpusat kepada pekerja tidak mematuhi standard minimum yang dikehendaki di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, Ketua Pengarah boleh mengeluarkan suatu notis kepada majikan atau penyedia penginapan berpusat, mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk mengarahkan majikan atau penyedia penginapan berpusat untuk mengganti, mengubah atau membaiki penginapan atau kemudahan itu dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah dalam notis itu.

(2) Semua perbelanjaan yang dilakukan oleh majikan atau penyedia penginapan berpusat dalam mematuhi arahan yang diberikan di bawah subseksyen (1) hendaklah ditanggung oleh majikan atau penyedia penginapan berpusat itu.

(3) Majikan atau penyedia penginapan berpusat tidak boleh mendapatkan kembali daripada pekerja perbelanjaan yang dilakukan oleh majikan atau penyedia penginapan berpusat dalam mematuhi arahan yang diberikan di bawah subseksyen (1).

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1), (2) atau (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Kuasa Ketua Pegarah untuk mengarahkan majikan atau penyedia penginapan berpusat untuk menyediakan penginapan sementara

24FB. (1) Ketua Pengarah boleh, jika difikirkannya perlu bagi keselamatan dan kesejahteraan pekerja, mengeluarkan suatu notis kepada majikan atau penyedia penginapan berpusat, mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk memberi arahan lanjut kepada majikan atau penyedia penginapan berpusat yang kepadanya arahan telah diberikan di bawah subseksyen 24FA(1) untuk menyediakan penginapan sementara bagi pekerja itu mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dalam menjalankan penggantian, perubahan atau pembaikan penginapan atau kemudahan itu.

(2) Ketua Pengarah boleh mengenakan apa-apa syarat kepada majikan atau penyedia penginapan berpusat yang berhubungan dengan penginapan sementara yang disediakan kepada pekerja di bawah subseksyen (1).

(3) Seksyen 24D tidak terpakai bagi penginapan sementara yang disebut dalam subseksyen (1).

(4) Semua perbelanjaan yang dilakukan oleh majikan atau penyedia penginapan berpusat dalam mematuhi arahan yang diberikan di bawah subseksyen (1), termasuk kos bagi pengangkutan pekerja dari penginapan ke penginapan sementara, sewa penginapan sementara dan perjalanan pekerja di antara tempat pekerjaannya dengan penginapan sementara hendaklah ditanggung oleh majikan atau penyedia penginapan berpusat.

(5) Majikan atau penyedia penginapan berpusat tidak boleh mendapatkan kembali daripada pekerja perbelanjaan yang dilakukan oleh majikan atau penyedia penginapan berpusat dalam mematuhi arahan yang diberikan di bawah subseksyen (1).

(6) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1), (2), (4) atau (5) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.”.

Pindaan seksyen 26

10. Seksyen 26 Akta dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “**kuasa dan kewajipan**” perkataan “**dan melantik orang lain**”;
- (b) dengan menomborkan semula seksyen sedia ada sebagai subseksyen (1);
- (c) dalam subseksyen (1) yang dinomborkan semula—
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan “Akta Kerja 1955” perkataan “, subseksyen 3(1A) Ordinan Buruh [*Sabah Bab 67*] atau subseksyen 3(1A) Ordinan Buruh [*Sarawak Bab 76*]”; dan
 - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [*Akta 308*]” perkataan “dan mana-mana pegawai lain”; dan
- (d) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula subseksyen yang berikut:

“(2) Walau apa pun subseksyen (1), Menteri boleh, tertakluk kepada sekatan dan syarat yang boleh ditentukan, melantik mana-mana orang lain yang sesuai untuk menjalankan semua atau mana-mana kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah oleh Akta ini dan tiap-tiap kewajipan yang dilaksanakan dan tiap-tiap kuasa yang dijalankan sedemikian hendaklah disifatkan telah dilaksanakan dan dijalankan bagi maksud Akta ini.”.

Pindaan seksyen 27**11. Seksyen 27 Akta dipinda—**

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

“(aa) untuk memasuki dan memeriksa mana-mana tempat pekerjaan atau mana-mana bangunan yang, dia percaya, digunakan oleh seorang majikan atau penyedia penginapan berpusat bagi penginapan pekerjaanya;” dan

- (b) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) Seksyen 82 dan 83 Akta Kerja 1955, seksyen 129 Ordinan Buruh [Sabah Bab 67] atau seksyen 129 Ordinan Buruh [Sarawak Bab 76], mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah terpakai bagi penyampaian suatu saman yang dikeluarkan di bawah seksyen ini.”.

Pindaan seksyen 28B

12. Seksyen 28B Akta dipinda dengan menggantikan perkataan “di bawah seksyen 26” dengan perkataan “di bawah subseksyen 26(1) atau mana-mana orang lain yang dilantik di bawah subseksyen 26(2)”.

Pindaan seksyen 29**13. Seksyen 29 Akta dipinda—**

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “**dan pegawai**” dengan perkataan “, **pegawai dan orang lain**”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “di bawah seksyen 26” dengan perkataan “di bawah subseksyen 26(1) dan mana-mana orang lain yang dilantik di bawah subseksyen 26(2)”.

Pindaan seksyen 33

14. Seksyen 33 Akta dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Mana-mana majikan” perkataan “atau penyedia penginapan berpusat”.

DIMASYHURKAN di Istana Negara BETA di Kuala Lumpur, Ibu Kota Persekutuan, pada dua puluh tiga hari bulan Februari, dua ribu dua puluh satu.

AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI ALMARHUM
SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH
Yang di-Pertuan Agong

[Akan dibentangkan di Parlimen menurut Fasal (3) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan]

EMERGENCY (EMPLOYEES' MINIMUM STANDARDS OF HOUSING, ACCOMMODATIONS
AND AMENITIES) (AMENDMENT) ORDINANCE 2021

An Ordinance promulgated by the Yang di-Pertuan Agong pursuant to Clause (2B) of Article 150 of the Federal Constitution.

[26 February 2021]

WHEREAS by reason of the existence of a grave emergency threatening the security, economic life and public order of the Federation arising from the epidemic of an infectious disease, namely Coronavirus Disease 2019 (COVID-19), a Proclamation of Emergency has been issued by the Yang di-Pertuan Agong under Article 150 of the Federal Constitution on the eleventh day of January, two thousand twenty one:

AND WHEREAS the Yang di-Pertuan Agong is satisfied that immediate action is required to amend the Employees' Minimum Standards of Housing, Accommodations and Amenities Act 1990:

IT IS HEREBY PROMULGATED AN ORDINANCE by the Yang di-Pertuan Agong pursuant to Clause (2B) of Article 150 of the Federal Constitution as follows:

Short title and commencement

1. (1) This ordinance may be cited as the **Emergency (Employees' Minimum Standards of Housing, Accommodations and Amenities) (Amendment) Ordinance 2021**.

(2) This Ordinance comes into operation on 26 February 2021.

Amendment of section 1

2. The Employees' Minimum Standards of Housing, Accommodations and Amenities Act 1990 [*Act 446*], which is referred to as the "Act" in this Ordinance, is amended by substituting for subsection 1(2) the following subsection:

"(2) This Act shall apply throughout Malaysia."

Amendment of section 2

3. Section 2 of the Act is amended—

(a) in the shoulder note, by inserting after the words "**Part II**" the words "**and Part III**"; and

(b) by substituting for subsection (1) the following subsection:

“(1) Except for the State of Sabah and State of Sarawak, Part II and Part III of this Act shall not apply to any estate or part thereof, situated within the area of a City Council, a Municipal Council or a Federal Territory.”.

Amendment of section 3

4. Section 3 of the Act is amended—

(a) by substituting for the definition of “Director General” the following definition:

‘ “Director General” means—

- (a) in respect of Peninsular Malaysia, the Director General of Labour appointed under subsection 3(1) of the Employment Act 1955 [*Act 265*];
- (b) in respect of the State of Sabah, the Director of Labour appointed under subsection 3(1) of the Labour Ordinance [*Sabah Cap. 67*]; or
- (c) in respect of the State of Sarawak, the Director of Labour appointed under subsection 3(1) of the Labour Ordinance [*Sarawak Cap. 76*];

and includes—

- (A) any officer who, by virtue of an order made under subsection 26(1), is vested with all or any of the powers of the Director General; or
 - (B) any other persons appointed under subsection 26(2);’;
- and

(b) by substituting for the definition of “employee” the following definition:

‘ “employee”—

- (a) in respect of Peninsular Malaysia, has the meaning assigned to it in the Employment Act 1955;
- (b) in respect of the State of Sabah, has the meaning assigned to it in the Labour Ordinance [*Sabah Cap. 67*]; or
- (c) in respect of the State of Sarawak, has the meaning assigned to it in the Labour Ordinance [*Sarawak Cap. 76*];’.

Amendment of section 23

5. Subsection 23(2) of the Act is amended by inserting after the words “Estate Hospital Assistants (Registration) Act 1965 [*Act 435*]” the words “or any other officers registered under any other written laws who are carrying out the same or similar functions of an estate hospital assistant”.

Amendment of section 24B

6. Section 24B of the Act is amended in the definition of “accommodation” by inserting after the words “human habitation” the words “and includes centralized accommodation”.

New section 24BA

7. The Act is amended by inserting after section 24B the following section:

“Requirement for accommodation

